



Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2007



Disediakan oleh: Julinawati Suanda

KAKITANGAN UniMAP DIRAI DALAM ANUGERAH SERI GEMILANG 2007

Sesuai dengan namanya, Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2007 telah berlangsung dengan penuh gilang gemilang pada 25 Mac 2008 yang lalu bertempat di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Bertemakan lautan membiru, wajah-wajah ceria para jemputan diserikan lagi dengan keberangkatan DYTM Canselor UniMAP dan DYTM Raja Puan Muda Perlis selaku tetamu kehormat. Selain itu, majlis turut diserikan dengan kehadiran YAB Menteri Besar Perlis dan isteri serta beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Majlis yang memasuki tahun keenam penganjurannya diadakan bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti setiap lapisan kakitangan UniMAP di dalam pelbagai bidang sama ada pengurusan dan pentadbiran, akademik, sukan dan kebudayaan. DYTMCanselor UniMAP di dalam titah ucapannya menggesa agar semua warga UniMAP meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada semua pemegang taruhnya seandainya UniMAP ingin terus cemerlang dan gemilang dalam bidang pengajian tinggi di persada tempatan mahupun antarabangsa. Titah Baginda lagi, "Kecemerlangan sesebuah organisasi terhasil apabila semua ahli dalam organisasi, sama ada pemimpin mahupun kakitangan, dapat mengamalkan budaya kerja dan sistem nilai secara konsisten Jadilah orang yang terbaik pada pandangan Allah, jadilah orang yang paling rendah pada pandangan diri sendiri dan jadilah contoh yang baik pada pandangan orang lain."

Majlis pada tahun ini menyaksikan seramai 54 orang kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 22 orang kakitangan menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, 13 Kumpulan Penyelidik menerima Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan, 9 pasukan dan 3 individu menerima Anugerah Kecemerlangan Sukan dan 5 kakitangan menerima Anugerah Penghargaan Khas. Selain itu, UniMAP turut menganugerahkan Anugerah Khas UniMAP kepada 2 individu dan 8 agensi yang banyak membantu dan bekerjasama dengan universiti ini.

"Kecemerlangan sesebuah organisasi terhasil apabila semua ahli dalam organisasi, sama ada pemimpin mahupun kakitangan, dapat mengamalkan budaya kerja dan sistem nilai secara konsisten Jadilah orang yang terbaik pada pandangan Allah, jadilah orang yang paling rendah pada pandangan diri sendiri dan jadilah contoh yang baik pada pandangan orang lain."

Di dalam majlis yang sama, UniMAP turut meraikan pelantikan YAB Menteri Besar Perlis yang baru iaitu YAB Dato' Dr. Md. Isa Sabu. Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan daripada kakitangan dan pelajar UniMAP serta artis jemputan Mek dan Adibah Noor.

Senarai penuh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah seperti berikut :

1. Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom
2. Prof. Madya Dr. Mohamed Zulkali Mohamed Daud
3. Mohd. Najmuddin Mohd Hassan
4. Mohd. Khairuddin Md. Arshad
5. Prof. Dr. Sazali Yaacob
6. Hasbalaila Alias
7. Mazmin Mat Akhir
8. Ir. Anuar Mat Safar
9. Rosnazri Ali
10. Mohd. Zahiruddin Md. Zain
11. Saiful Azhar Saad
12. Sohiful Anuar Zainol Murad
13. Hanif Suhairi Abu Bakar
14. Mohd. Fitri Mohamad Wahid
15. Ahmad Faizal Salleh
16. Ku Syahidah Ku Ismail
17. Maz Jamilah Masnan
18. Faizah Abu Bakar
19. Shafizan Sharifuddin
20. Abdul Hallis Abdul Aziz
21. Sharmini Abdullah
22. Ahmad Farez Ahmad Fizri
23. Mohd. Nizam Ismail
24. Julinawati Suanda
25. Hirwan Jasbir Jaafar
26. Fauzi Baharom
27. Fazlina Md. Fadzil
28. Intan Syarmiza Ab Rahman
29. Ku Azira Ku Aziz
30. Mohd. Noorul Fakhri Yaacob
31. Saiful Nizal Sharif
32. Mohd. Azamin Ahmad Adli
33. Anis Marini Alauddin
34. Roseazlina Mustafa
35. Hazlina Soegijono
36. Rusmiza Abdullah
37. Nor Hazliza Ibrahim
38. Rosniza Abdul Hamid
39. Nani Maslina Sulaiman Najidi
40. Makhadzir Mohamad Mastaram
41. Ibrahim Din
42. Nurul Nadiah Kamarudin
43. Sazali Saad
44. Sharifah Hanita Syed Ahmad
45. Siti Rokiyah Salleh
46. Md. Rasid Ismail
47. Sharifah Roshida Syed Mat Noor
48. Nazril Husny
49. Mohd. Nasir Ibrahim
50. Shujairi Shadzar
51. Mohd. Shukri Nordin
52. Mohd. Shahrul Musa
53. Mohd. Shukor Ismail
54. Mat Jusoh Latiff

